

16 JUN 1998

Mahathir-sokongan

SAYA GEMBIRA DENGAN SOKONGAN, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau amat gembira dengan ikrar sokongan dan taat setia kepadanya sebagai Perdana Menteri oleh pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Saya pasti ia tidak bersifat peribadi. Ianya kerana negara ini memerlukan seorang pemimpin dan mereka berikrar taat setia kepada pemimpin sekarang," kata Perdana Menteri kepada pemberita semasa lawatannya ke bandar raya multimedia berteknologi tinggi di sini.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata bahawa pada mesyuarat Dewan Tertingginya di sini Ahad lepas, pemimpin-pemimpin komponen BN berikrar memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir dalam usahanya menangani kegawatan ekonomi yang Malaysia sedang hadapi.

Ling berkata ikrar sokongan itu dibuat ketika Malaysia dan Dr Mahathir menjadi sasaran laporan negatif media barat.

Dr Mahathir berkata mesyuarat Dewan Tertinggi BN Ahad lepas diadakan bukan khusus untuk pemimpin-pemimpin komponen parti menyatakan ikrar dan sokongan mereka kepada beliau.

Katanya mesyuarat itu bagi menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin BN mengenai kedudukan ekonomi.

"Mereka perlu faham. Saya mengambil kesempatan itu untuk menjelaskan kepada mereka oleh kerana mereka berada di sini (di Kuala Lumpur)," kata Dr Mahathir.

Para pemimpin itu berada di ibu negara pada hari itu untuk menghadiri pelancaran Dana Untuk Malaysia oleh Dr Mahathir.

Tabung itu bagi mengutip derma untuk Dana Khas Negara.

Ketika ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang nasihat menjelang Perhimpunan Agung UMNO yang bermula Jumaat ini, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata : "Saya akan memberi nasihat apabila saya menemui mereka (perwakilan Umno) esok."

Katanya beliau akan memberikan nasihat yang tegas.

"Tetapi itu tidak akan menghalang mereka daripada bercakap. Kita sebuah parti demokratik," katanya.

Ketika ditanya sama ada mereka sedang "bercakap" mengenai sesuatu pada masa ini, Dr Mahathir berkata : "Sudah tentu, mereka bercakap mengenai pelbagai perkara. Kita menjangka akan berlaku perdebatan hangat, jadi kita lihatlah nanti sama ada ini akan berlaku atau tidak."

-- BERNAMA

ES MAI